

# Universalnya Takaful

Takaful telah menjadi pilihan perlindungan kewangan yang sesuai untuk semua tanpa mengira latar belakang bangsa atau agama, terutama kepada mereka yang cenderung terhadap pengamalan shariah.

Takaful yang bersifat universal ini dapat dilihat melalui aspek bagaimana Islam memberikan kemudahan kepada umatnya untuk bertransaksi sesama manusia walaupun berlainan agama.

Jika kita selusuri sejarah, Nabi Muhammad s.a.w. sendiri pernah melakukan transaksi dengan orang Yahudi seperti membeli makanan secara bertangguh dan mencagarkan baju besi baginda.

Dalil ini jelas menunjukkan bahawa tiada larangan untuk bertransaksi dengan orang bukan Islam asalkan perkara yang ditransaksikan tersebut tidak mempunyai elemen yang diharamkan seperti penipuan, judi, riba dan sebagainya.

Aspek universal dapat dilihat daripada konsep takaful itu sendiri. Takaful direka berdasarkan konsep Ta'awun iaitu peserta akan membantu antara satu sama lain ketika ditimpa kesusahan. Konsep ini merentas agama dan bangsa dengan fitrah manusia untuk melakukan kebaikan terhadap

orang lain. Maka tidak timbul persoalan bolehkah orang bukan Islam menyertai takaful walaupun ia adalah satu produk patuh syariah.

Melalui konsep ini juga, semangat harmoni dapat dilahirkan dalam kalangan orang Islam dan bukan Islam kerana mereka telah berjanji untuk menyumbang sejumlah wang bagi meringankan beban sesama mereka.

Perkara seperti ini merupakan salah satu tuntutan agama dalam menjaga hak

**Firman Allah s.w.t. dalam surah Al-Maidah ayat 2, Allah telah berfirman kepada orang yang beriman yang bermaksud, “Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan taqwa”.**

sesama manusia seperti mana firman Allah s.w.t. dalam surah Al-Maidah ayat 2, Allah telah berfirman kepada orang yang beriman yang bermaksud, “Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan taqwa”.

## Bolehkah orang bukan Islam memasarkan produk takaful?

Aspek universal ini juga menggalakkan takaful dipasarkan oleh ejen takaful dari kalangan mereka yang bukan Islam. Kita mungkin berasa pelik dan berfikir, mampukah ejen-ejen ini menjelaskan segala istilah-istilah dan

aplikasi syariah dalam produk takaful tersebut?

Hal ini sepertinya tidak menjadi masalah kerana seseorang tidak mengira agama akan menjalani proses yang sama untuk bergelar ejen takaful iaitu lulus ujian dan keperluan menghadiri latihan yang ditetapkan.

Dari sudut syariah pula, orang bukan Islam juga dibenarkan untuk memasarkan takaful, asalkan mengikut

lunas-lunas syarak. Dalam satu riwayat yang masyhur, Umar al-Khattab r.a. pernah berkata, “Janganlah seseorang berdagang di pasar kami kecuali mereka yang faham selok-belok riba”.

Maka, selagi mana seseorang itu mampu memahami perbezaan antara insurans konvensional dan takaful, terma-terma yang wujud dan konsep istilah-istilah yang diguna pakai, dia sudah dikira layak untuk memasarkan produk takaful. Ini dibantu pula dengan takaful yang sesuai untuk setiap lapisan masyarakat.

Dari sudut manfaat takaful

**Great  
Eastern  
TAKAFUL**

itu sendiri, aspek universal juga amat jelas. Manfaat takaful akan dibahagikan mengikut penama yang telah dilantik oleh peserta. Jika penamaan tidak dibuat, maka bagi peserta Muslim, manfaat takaful akan dibahagikan mengikut faraid manakala peserta bukan Islam, manfaat tersebut dibahagikan mengikut Akta Pembahagian 1958.

Takaful merupakan satu mekanisma dakwah yang boleh digunakan untuk mempromosikan pengurusan kewangan Islam. Keterlibatan orang bukan Islam dalam takaful sedikit sebanyak memberikan lebih pemahaman terhadap ajaran Islam yang sentiasa memastikan ketelusan dan keadilan dalam setiap transaksi yang dilakukan. Ini memperlihatkan kelebihan sistem kewangan Islam dan takaful itu sendiri. Wallahu'alam.

Sila layari laman web kami di [www.greateasterntakaful.com](http://www.greateasterntakaful.com)